



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

**20**  
**24**



# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

**P.124 BANDAR TUN RAZAK**

# Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

## **P.124 BANDAR TUN RAZAK**

---

**Penyunting Siri**

Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**

Nurul Syaza Mazelan

Lydia Ann Bill



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.124 BANDAR TUN RAZAK (KUALA LUMPUR)

<b>Kata Pengantar</b> - Nur Rahmah Othman	I-II
<b>Pendahuluan</b> - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

### BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-10
------------------------------	------

### BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	12
2.0 Pemetaan Isu	13-26
3.0 Pengutamaan Isu	27-30



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# KATA PENGANTAR

**Nur Rahmah Othman**

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

<b>JILID</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>JUMLAH KAWASAN PARLIMEN</b>	<b>PENYELIDIK</b>
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30</b>	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

***Nurul Syaza Mazelan***

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

***Siti Nur Ain Zakinuddin***

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidakadilan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.



**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN- BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN- BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAHAH	Nurul Syaza Mazelan

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman

<b>BIL.</b>	<b>ZON/WILAYAH</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH/BAHAGIAN</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>KOD</b>	<b>NAMA AHLI PARLIMEN</b>	<b>PARTI</b>	<b>KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG</b>
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

## PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



### 1. MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan melibatkan Ahli Parlimen (MP) dan Pegawai Khas bersama dengan pasukan sekretariat APPGM-SDG mengenai latarbelakang dan gerak kerja APPGM-SDG.



### 2. SESI PEMPROFILAN KAWASAN PARLIMEN

Perbincangan bersama MP, Pegawai Khas dan Ketua Penyelidik mengenai profil kawasan parlimen



### 3. PENGLIBATAN DENGAN PEGAWAI AGENSI KERAJAAN (PRA-LAWATAN)

- Pengenalan kepada APPGM-SDG
- Kerjasama bersama Pegawai Daerah berkaitan jemputan sesi dialog bersama agensi kerajaan

### 4. LAWATAN TAPAK 3 HARI

- Lawatan dan perbincangan bersama komuniti sasaran
- Perbincangan kumpulan fokus (FGD) merangkumi isu sosial, ekonomi dan persekitaran



### 5. DIALOG ANTARA AGENSI

- Perbincangan berkenaan isu yang dikenalpasti semasa lawatan tapak tiga hari
- Maklum balas dan pandangan daripada agensi terhadap isu ditemui



### 6. PENGUTAMAAN ISU BERSAMA AHLI PARLIMEN

Perbincangan bersama MP mengenai isu yang dikumpulkan dan mengenalpasti isu utama yang terdesak

### 7. PROJEK SOLUSI

- Projek dijalankan adalah berdasarkan isu dan perbincangan bersama MP
- Melibatkan penyetempatan SDG
- Fokus terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<b>STATUS INDIVIDU</b>		<b>KAUM MINORITI</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol>
<b>JENIS PEKERJAAN</b>		<b>PENDIDIKAN</b>
<b>Pertanian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang/Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG Sekolah</li> <li>2. Pelajar sekolah</li> <li>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</li> <li>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ol>
<b>Perikanan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>	
<b>Perdagangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>	

<b>Perindustrian</b>	1. Pemilik kilang	<b>Organisasi / Persatuan</b>
<b>Perkhidmatan</b>	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

### **PENEMUAN KESELURUHAN**

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan



Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

<b>ZON / WILAYAH</b>	<b>ISU UTAMA</b>
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gejala sosial</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> <li>• Keciciran Pendidikan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Pencemaran air dan udara</li> </ul>
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li> <li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Penghijrahan ke bandar</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> </ul>
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjana pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li><li>• Penyeludupan barang di sempadan</li><li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li><li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li><li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li><li>• Konflik pemilikan tanah</li><li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li><li>• Konflik manusia – hidupan liar</li></ul>
-----------------	---

# BAHAGIAN A

---

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.124 BANDAR TUN RAZAK (KUALA LUMPUR)

19 - 21 April 2024 (Jumaat - Ahad)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal
2. Sesi Dialog bersama Komuniti Warga Emas
3. Sesi Dialog bersama Komuniti Warga Belia

### HARI 2

4. Sesi Dialog bersama Komuniti Cina
5. Sesi Dialog bersama Komuniti OKU
6. Sesi Dialog bersama pihak berkepentingan mengenai isu kewarganegaraan
7. Lawatan Tapak 1 - Bodhi Homecare
8. Sesi Dialog bersama Komuniti India
9. Sesi Dialog bersama Komuniti Pemeliharaan Alam Sekitar
10. Lawatan Tapak 2 - Taman Kucing Madani di Flat Sri Sabah

### HARI 3

11. Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga dan Penjaja
12. Sesi Dialog bersama Komuniti Petani Bandar
13. Sesi Dialog bersama Komuniti Pengerusi PPA & PPR
14. Lawatan Tapak 3 - Pasar Sungai Besi

## PASUKAN PENYELIDIK

Dengan sokongan  
daripada Ahli Parlimen  
Bandar Tun Razak,  
YB Dato' Seri Dr.  
Wan Azizah  
Binti Dr. Wan Ismail



**Lydia Ann**  
(Ketua Penyelidik)



**Anthony Tan**



**Philus Thomas**



**Afiqah Malik**



### 23 November 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awalan bersama wakil YB Dato Sri Dr Wan Azizah dan pegawai-pegawai khas di Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak pada pagi ini.

Pejabat Parlimen cadangan untuk mengadakan lawatan tapak pada bulan Februari 2024.



### 24 Januari 2024 - Mesyuarat Pra-Lawatan

Lydia Ann dan Daniel telah menghadiri perjumpaan bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan pegawai khas Parlimen Bandar Tun Razak mengenai Lawatan Pemetaan Isu yang akan dilangsung pada 19-21 April 2024. Kesemua 6 wakil Sub Zon Parlimen Bandar Tun Razak turut hadir dan memberi kerjasama untuk lawatan tapak tersebut.





### 8 Februari 2024 - Mesyuarat Pengenalan

Nurul Syaza dan Lydia Ann telah menghadiri perjumpaan dengan pengurus pejabat cawangan Bandar Tun Razak dan pegawai khas Parlimen Bandar Tun Razak.





## 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Ibu Tunggal

Sesi FGD 1 ini melibatkan Komuniti Ibu Tunggal. Seramai 23 peserta telah hadir ke sesi dialog tersebut. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu Kucing Liar, **(2)** Akses kepada bantuan bantuan - JKM, **(3)** Kurang penekanan terhadap tanggungjawab suami berbanding tanggungjawab isteri, **(4)** Isu penyelenggaraan perumahan PPR dan PPA.



## 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Warga Emas

Sesi FGD 2 ini melibatkan Komuniti Warga Emas. Seramai 31 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Dewan Pangsapuri Seri Malaysia. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kurang aktiviti bagi warga emas, **(2)** Bantuan yang tidak cukup untuk warga emas sebab setiap warga emas ada tanggungan masing-masing. (Jumlah cucu, kos pengangkutan & geografi), **(3)** Isu mengenai pengisian PADU- disebabkan tidak tahu cara mengisi dan ada rasa ragu-ragu mengenai sistem PADU, **(4)** Isu penyelenggaraan perumahan.





### 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Warga Belia

Sesi FGD 3 ini melibatkan Komuniti Warga Belia. Seramai 20 orang peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Nasi Kandar BRJ. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kekurangan maklumat berkaitan TVET dan kemahiran teknikal, **(2)** Peluang pekerjaan terhad sehingga sesetengah belia terpaksa buat kerja sambil dan terlibat dalam ekonomi gig, **(3)** Isu tabiat melepak dalam kalangan belia, **(4)** Suara belia tidak diberikan pertimbangan dari segi aktiviti yang dijalankan - relevant terhadap belia, **(5)** Isu kucing liar di kawasan Flat Sri Sabah menyebabkan tempat tinggal menjadi tidak bersih, **(6)** Pergaulan bebas dan kurang pemantauan dalam kalangan pelajar dan belia.



### 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Cina

Sesi FGD 4 ini melibatkan Komuniti Cina. Seramai 13 orang peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di pusat penjaja Sri Johor, Blok 21. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu pengurusan bangunan - Flat Sri Sabah, Flat Sri Johor dan Flat Sri Melaka, **(2)** Isu jalan raya berlubang - tidak diselenggara, **(3)** Isu di kawasan SKJC Naam Kheung - masalah lalu lintas dan banjir kilat. Salah satu isu itu berlaku kerana pembangunan (high density development) berdekatan sekolah, **(4)** Kurang informasi/ akses tentang bantuan kerajaan disebabkan halangan bahasa, **(5)** Isu kucing liar.





### 5: Sesi Dialog bersama Komuniti OKU dan pihak berkepentingan mengenai isu kewarganegaraan

Sesi FGD 5 dan FDG 6 ini melibatkan Komuniti OKU dan pihak berkepentingan mengenai isu kewarganegaraan. Pihak sekretariat telah menemubual penjaga di Bodhi Homecare. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu permohonan/ mendapatkan kad OKU- proses birokrasi dan sentiasa kena *follow-up* dengan pihak hospital yang banyak makan masa dan wang, **(2)** Isu kos penjagaan termasuk perubatan dan makanan bagi warga OKU yang tinggi. Hospital kerajaan kebiasaannya menghantar pesakit OKU yang tidak mempunyai keluarga/penjaga ke Bodhi Homecare, **(3)** Isu permohonan/ mendapatkan kad pengenalan. Terdapat penduduk di pusat itu telah ditinggalkan oleh penjaga/ibubapa yang bukan warganegara (Vietnam dan Indonesia) atau penjaga/ibubapa yang warganegara telah meninggal, **(4)** Anak anak menjadi isu kewarganegaraan disebabkan kecuiaan ibu bapa.



### 6: Lawatan Tapak 1 - Bodhi Homecare

Isu yang dipertengahan adalah Bodhi Homecare didaftarkan sebagai rumah ibadat dan sukar untuk mereka untuk mendapat bantuan kerajaan kerajaan. Namun, kebanyakan gerak kerja mereka termasuk tempat perlindungan kanak kanak tanpa kewarganegaraan dan warga OKU. Mereka juga jaga arnab, kucing, anjing yang ditinggalkan depan pintu Bodhi Homecare.





## 7: Sesi Dialog bersama Komuniti India

Sesi FGD 7 ini melibatkan Komuniti India. Pihak sekretariat telah menemubual 20 peserta di Western Banana lah! Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu literasi digital yang rendah - medium pembayaran baharu dalam talian menyukarkan penduduk untuk melakukan pembayaran sewa rumah dan bil air/elektrik terutamanya bagi warga emas, **(2)** Ketiadaan fasiliti pengurusan jenazah bagi komuniti India disediakan di kawasan parlimen bandar tun razak, **(3)** Penyalahgunaan dadah dan minuman keras, **(4)** Ibu bapa perlu tanggung anak - anak walaupun mereka telah dewasa (Penganguran dalam kalangan belia), **(5)** Kepadatan penduduk di kawasan flat tinggi dan secara tidak langsung menyebabkan persekitaran yang tidak selesa dan harmoni.



## 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Pemeliharaan Alam Sekitar

Sesi FGD 8 ini melibatkan Komuniti Pemeliharaan Alam Sekitar. Pihak sekretariat telah menemubual 6 peserta di Pusat PAWE, Bandar Tun Razak. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Pengurusan sampah pasar pagi (pasar sementara) yang dijalankan setiap hari daripada pukul 6 pagi hingga 12 tengah hari mengganggu ketenteraman penduduk persekitaran, **(2)** Masalah kekurangan tempat letak kereta disebabkan pembangunan keterlaluan, **(3)** Pengubahsuaian rumah tanpa sijil CF (Certificate of Fitness), **(4)** Kurang penguatkuasaan dalam pengekalan zon hijau.





### 9: Lawatan Tapak 2 - Taman Kucing Madani di Flat Sri Sabah

Taman Kucing Madani ditubuhkan untuk menangani isu kucing liar di kawasan flat bandar Tun Razak. Namun, ada sesetengah pihak akan letak kucing buangan di luar pintu Taman Kucing Madani semenjak adanya Taman tersebut. Hal ini kemudian telah menyebabkan ramai kucing liar mula muncul di kawasan flat dan menimbulkan isu kebersihan dan keselesaan penduduk.

Taman Kucing Madani ini juga mempunyai dawai keselamatan (Razor) untuk mengelak pencerobohan manakala aluminium zinc diletak di pokok untuk mengelak kucing dari memanjat.



### 10: Sesi Dialog bersama Komuniti Peniaga dan Penjaja

Sesi FGD 9 ini melibatkan Komuniti Peniaga dan Penjaja. Pihak sekretariat telah menemubual 19 peserta di Pasar, Bandar Sg Besi. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Persaingan yang tidak sihat dalam kalangan peniaga tempatan dengan peniaga warga asing, **(2)** Persaingan dengan penjaja yang tidak berlesen dan perniagaan dalam talian, **(3)** Pihak berkenaan perlu berbincang dengan pihak peniaga sebelum membuat apa-apa perubahan mengenai Pasar Sungai Besi dan kawasan sekitar (pembangunan MRT dan kondominium), **(4)** Peniaga rasa tertekan dengan keadaan ekonomi terutamanya selepas COVID-19.





### 11: Sesi Dialog bersama Komuniti Petani Bandar

Sesi FGD 10 ini melibatkan Komuniti Petani Bandar. Pihak sekretariat telah menemubual 24 peserta di Kolam Takungan Sungai Midah. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu Kualiti Tanah - tanaman pusingan kedua berkurang kerana nutrien/ baja kurang, **(2)** Longgokan sampah yang tidak diuruskan di dalam kolam takungan disebabkan tiada sambungan kontrak, **(3)** Kekurangan maklumat mengenai dasar kebun komuniti kebangsaan di bawah naungan KPKT, **(4)** Memerlukan sokongan kepakaran agensi pertanian dan perikanan (bagi kebun individu), **(5)** Maklumat yang tidak mencukupi untuk menjalankan pertanian organik, **(6)** Kos pertanian yang tinggi.



### 12: Sesi Dialog bersama Komuniti Pengerusi PPA & PPR

Sesi FGD 11 ini melibatkan Komuniti Pengerusi PPA & PPR. Pihak sekretariat telah menemubual 11 peserta di Pusat Sri Johor, Blok 4 A. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu Pegawai Kawasan tidak turun padang untuk melihat isu yang dihadapi penduduk PPR dan PPA, **(2)** Murid-murid di kawasan PPR dan PPA kurang motivasi dalam pendidikan, **(3)** Isu kebersihan yang telah lama disuarakan ke pihak atasan tapi masih tiada penyelesaian, **(4)** Pihak atasan yang kurang menguatkuasakan isu-isu seperti jumlah parking per unit, **(5)** Penyewaan kepada warga asing dan Isu pembelaan kucing, **(6)** Isu sampingan - pembangunan semula atau penyelenggaraan (perlu diberi perhatian kerana salah satu isu masalah bangunan adalah keretakan dinding).





### 13: Lawatan Tapak 3 - Pasar Sungai Besi

Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Banyak kedai di tingkat 1 tutup dan ini menyebabkan pasar tersebut nampak hambar, **(2)** Persaingan peniaga Pasar Sungai Besi dengan pasaraya berdekatan, **(3)** Peniaga warga asing yang bersaing dalam pasaran tempatan (mereka memberi harga lebih murah).

# **BAHAGIAN B**

---

## **LAPORAN PEMETAAN ISU**

P.124 BANDAR TUN RAZAK (KUALA LUMPUR)

## 1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Bandar Tun Razak ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail daripada parti Pakatan Harapan.</i></p>		 <p>YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah</p>																									
<b>Parlimen</b>	P 124																										
<b>Kawasan</b>	Bandar Tun Razak																										
<b>Negeri</b>	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur																										
<b>Jumlah penduduk</b>	<p>191,318 orang</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>129,905</td> <td>67.9</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>44,769</td> <td>23.4</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>15,879</td> <td>8.3</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain-lain</td> <td>765</td> <td>0.4</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td> <td><b>191,318</b></td> <td><b>100.00</b></td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Sumber:</b> Jabatan Perangkaan Malaysia, "P.124 Bandar Tun Razak Kawasanku   OpenDOSM," <i>Dosm.gov.my</i> (OpenDOSM, 2020), <a href="https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/kawasanku/W.P.%20Kuala%20Lumpur/parlimen/P.124%20Bandar%20Tun%20Razak">https://open.dosm.gov.my/ms-MY/dashboard/kawasanku/W.P.%20Kuala%20Lumpur/parlimen/P.124%20Bandar%20Tun%20Razak</a>.</p>			BIL.	KAUM	BIL.	%	1.	Bumiputera	129,905	67.9	2.	Cina	44,769	23.4	3.	India	15,879	8.3	4.	Lain-lain	765	0.4	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>191,318</b>	<b>100.00</b>
BIL.	KAUM	BIL.	%																								
1.	Bumiputera	129,905	67.9																								
2.	Cina	44,769	23.4																								
3.	India	15,879	8.3																								
4.	Lain-lain	765	0.4																								
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>191,318</b>	<b>100.00</b>																								
<b>Kegiatan ekonomi utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan – Aktiviti perniagaan</li> <li>• Perumahan – Jenis perumahan berdensiti tinggi dan sederhana</li> </ul>																										
<b>Pasukan kajian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nurul Syaza Mazelan : Ketua Penyelidik &amp; Penulis Laporan</li> <li>2. Lydia Ann : Ketua Penyelidik Lapangan</li> <li>3. Anthony Tan Kee Huat : Pengarah Kanan Pasukan Sokongan</li> <li>4. Afiqah Abdul Malik : Pembantu Penyelidik</li> <li>5. Philus George Thomas : Pembantu Penyelidik</li> </ol>																										

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD dan 4 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Bandar Tun Razak. Dialog antara agensi masih belum dilaksanakan buat masa ini.

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
<b>19 April 2024</b> , Jumaat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Komuniti Ibu Tunggal</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Warga Emas</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Belia</li></ul>
<b>20 April 2024</b> , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dialog Bersama Komuniti Cina</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Orang Kurang Upaya (OKU)</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Tiada Kewarganegaraan</li><li>• Lawatan Tapak ke Bodhi Homecare</li><li>• Dialog Bersama Komuniti India</li><li>• Dialog Bersama NGO Alam Sekitar</li></ul>
<b>21 April 2024</b> , Ahad	<ul style="list-style-type: none"><li>• Lawatan Tapak ke Pasar Sungai Besi</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Peniaga</li><li>• Dialog Bersama Komuniti Petani Bandar</li><li>• Lawatan Tapak ke Taman Kucing Madani</li><li>• Lawatan tapak ke Kebun Komuniti berdekatan dengan Kolam Takungan Sg. Midah</li><li>• Dialog Bersama Persatuan Penduduk PPR dan PPA</li></ul>



## PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
<b>ISU SOSIAL</b>		
Kesukaran mendapat bantuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu tunggal golongan B40</li> <li>Peniaga kecil-kecilan</li> <li>Ibu tunggal komuniti India</li> <li>Ibu tunggal komuniti Cina</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak sensitif terhadap keperluan ibu tunggal terutama bagi usahawanita yang memerlukan program pemerkasaan wanita yang berpanjangan.</li> <li>Masih berlaku sentimen terhadap golongan ibu tunggal menyebabkan kekurangan motivasi dan tidak tahu dengan siapa untuk dirujuk selepas bercerai.</li> <li>Kesukaran memohon dan tidak memahami prosedur bantuan JKM.</li> <li>Berlaku diskriminasi dalam kelulusan permohonan bantuan STR (Sumbangan Tunai Rahmah).</li> </ul>
Literasi digital yang rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu tunggal terutamanya 60 tahun ke atas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat kesukaran dalam proses pembayaran bil - sejak segala proses pembayaran ditukarkan kepada medium pembayaran secara dalam talian.</li> <li>Proses yang disangkakan memudahkan, namun telah menyusahkan golongan ibu tunggal (terutamanya yang berumur) kerana tidak semua memiliki pengetahuan berkenaan teknologi dan kadangkala mereka perlu menunggu anak mereka untuk melakukan proses pembayaran. (anak kadang-kadang tidak ada masa lapang atau tidak tinggal bersama mereka)</li> </ul>
Kurang maklumat mengenai bantuan disediakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Belia</li> <li>Ibu tunggal golongan B40</li> <li>Komuniti India</li> <li>Komuniti Cina</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ada sesetengah rakyat yang tidak tahu cara memohon bantuan JKM. (ada yang tiada telefon, susah nak dapatkan pengangkutan, golongan miskin)</li> <li>Ada yang tidak tahu inisiatif-inisiatif dan bantuan yang sedia ada.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Tidak mengemas kini maklumat dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga</li> <li>• Ibu tunggal</li> <li>• Belia</li> <li>• Warga Emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai penduduk masih tidak mengemaskini maklumat dalam sistem PADU.</li> <li>• Alasan yang diberikan seperti tidak tahu cara-cara mengisi PADU dan ragu-ragu untuk mengisi maklumat di dalam sistem PADU.</li> </ul>
Kekurangan aktiviti bagi warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan aktiviti untuk dilakukan oleh golongan warga emas telah memberikan tekanan emosi kepada mereka.</li> <li>• Tiada peluang untuk mereka keluar daripada rumah mereka untuk berjumpa bersama rakan sebaya.</li> <li>• Terdapat anak-anak yang meletakkan tanggungjawab untuk menjaga anak-anak mereka kepada ibu bapa kerana tuntutan kerja - kerja mengikut shift yang memberi kekangan untuk mereka menguruskan anak-anak mereka sendiri.</li> </ul>
Keperluan perkhidmatan khas kesihatan untuk warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesihatan warga emas yang tidak stabil.</li> <li>• Kekurangan perkhidmatan pakar kesihatan yang disediakan oleh pihak berkuasa.</li> <li>• Klinik selalu sesak dan susah mendapat temu janji</li> <li>• Tiada khidmat untuk mengingatkan dan mempermudah gerakan warga emas untuk menjaga dan memantau tahap kesihatan</li> <li>• Cadangan untuk adakan klinik bergerak untuk warga emas.</li> </ul>
Keterjaminan kesihatan belia untuk jangka masa panjang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ramai belia yang terlibat dalam gejala merokok dan vape.</li> <li>• Belia tidak percaya atau tidak ada kesedaran kepentingan insurans.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kurang penyelenggaraan di kawasan perumahan berstrata	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Flat Sri Melaka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat masalah paip bocor yang telah menyebabkan kerosakan harta penduduk.</li> <li>• Sebagai contoh, pintu menjadi kembang akibat terkena air dan air daripada paip bocor masuk ke dalam bilik melalui jendela.</li> <li>• Air yang keluar daripada paip itu juga berbau dan menimbulkan rasa tidak senang pada kalangan penduduk.</li> <li>• Sistem perparitan yang kotor dan masalah paip air bocor perlu diselenggara secepat mungkin.</li> <li>• Kontraktor yang tidak membuat penyelenggaraan yang sepatutnya di kawasan perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Awam (PPA) 1 Malaysia.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Flat Sri Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jalan raya di sekeliling Flat Sri Johor yang tidak diselenggara menyebabkan banyak lubang yang membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.</li> <li>• Terdapat keretakan di dinding dan pintu di bangunan PPR tetapi tiada tindakan dan penyelenggaraan dilakukan.</li> <li>• Pili bomba yang tidak berfungsi dan tidak diselenggara</li> <li>• Terdapat longkang yang pecah</li> <li>• Terdapat semak belukar yang merimbun di sekitar kawasan penduduk mengancam keselamatan di jalan raya kerana menghalang pemandangan.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Flat Sri Sabah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lubang kecil telah menjadi semakin besar boleh menyebabkan kemalangan.</li> <li>• Tekanan air menjadi kurang kerana paip bocor dan penduduk tinggal di atas terkesan terutama bagi penduduk Blok 04 dan Blok 06.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Ketiadaan bekalan air dan elektrik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti Cina (Penganut tokong Jalan Ikan Emas)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat 6 tokong di sekitar Jalan Ikan Emas, tetapi tiada akses bekalan air dan elektrik kerana tiada CoC - Certificate of Completion</li> </ul>
Tiada tempat pengebumian untuk masyarakat India	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti India</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat India memerlukan tempat pengebumian.</li> <li>• Setakat ini, tiada tempat pengebumian untuk masyarakat India.</li> </ul>
Kurang penglibatan penduduk dalam perancangan bandar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk PPR dan PPA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah disuarakan oleh pengerusi penduduk PPR dan PPA bahawa mereka ingin terlibat dalam perancangan bandar.</li> <li>• Penduduk yang tidak tahu mengenai pelan-pelan pembangunan seperti Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 oleh pihak berkuasa.</li> </ul>
Pengurusan bangunan (JMB) yang tidak efisien	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Sri Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu lif tidak berfungsi sepenuhnya menyukarkan pergerakan penduduk di petempatan ini terutamanya bagi golongan warga emas.</li> <li>• Aduan telah dibuat kepada pihak berkenaan namun setakat hari ini masih tiada tindakan diambil kerana kos yang tinggi untuk membaiki lif.</li> <li>• Pernah berlaku di kawasan ini dimana wanita yang ingin bersalin, yang tinggal di tingkat 18 perlu menggunakan tangga untuk turun ke ambulan di waktu kecemasan.</li> </ul>
Penyewaan unit PPR dan PPA kepada warga asing	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk PPR dan PPA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat pemilik unit PPR dan PPA yang menyewa kepada warga asing.</li> <li>• Mereka berasa tidak selamat dengan kehadiran warga asing kerana warga asing akan membawa rakan-rakan mereka tinggal atau datang beramai-ramai di kawasan persekitaran.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Keperluan pemutihan penghuni PPR dan PPA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk PPR dan PPA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada pemilik unit yang mempunyai tempat tinggal di tempat lain tetapi menyewakan unit PPR/PPA tersebut.</li> <li>• Lebih banyak penyewa daripada pemilik.</li> </ul>
Kekurangan tempat letak kenderaan di kawasan PPR dan PPA	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk PPR dan PPA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Situasi di mana satu unit rumah mempunyai 2-3 buah kereta menyebabkan masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan perumahan. Hal ini kerana, kadang kadang anak mereka masih tinggal bersama mereka kerana masih belum mampu untuk memiliki rumah.</li> <li>• Jalan mudah sesak di Kawasan PPR atau Pangsapuri. Pernah berlaku di mana ambulans sukar untuk masuk Kawasan PPR apabila berlakunya kebakaran kerana kesesakan yang sangat teruk.</li> <li>• Terdapat kereta terbiar di Kawasan parking atau orang luar yang parking Kawasan PPR dan PPA.</li> </ul>
Penglibatan dalam kegiatan negatif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti India</li> <li>• Komuniti Belia</li> <li>• Komuniti B40</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat penduduk yang terlibat dalam masalah alkohol, penagihan dadah, penderaan, gangsterisme, kes kecurian dan menghisap rokok atau sisha.</li> <li>• Ketagihan anak-anak dengan gajet seperti permainan komputer atau telefon bimbit menyebabkan mereka jadi kurang motivasi untuk pergi ke sekolah.</li> <li>• Terdapat kes penyalahgunaan dadah dalam golongan pelajar. Pelajar senior akan menggugat pelajar junior untuk mendapatkan wang. (Perhatian terutama diberikan kepada komuniti India).</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kekurangan peluang pekerjaan dan pembangunan kapasiti untuk dunia pekerjaan kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti India</li> <li>• Komuniti Belia</li> <li>• Komuniti B40</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anak-anak yang telah dewasa masih tidak bekerja dan hanya melepak di rumah menyebabkan ketegangan dalam keluarga.</li> <li>• Belia menyuarakan bahawa peluang pekerjaan tidak banyak bagi belia dan dunia pekerjaan sekarang amat kompetitif.</li> <li>• Kepentingan diberi bagi orang yang berpengalaman membuatkan belia kurang peluang dalam pekerjaan bidang tertentu.</li> <li>• Belia kekurangan latihan kemahiran dan pembangunan kapasiti dalam bidang mereka minat.</li> <li>• Belia tidak tahu di mana akses kepada mendapatkan latihan kemahiran.</li> </ul>
Keperluan TVET kepada orang muda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti India</li> <li>• Komuniti Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Stereotaip mengenai TVET perlu berubah dalam kalangan belia.</li> <li>• Mencadangkan supaya pihak berkenaan untuk mempromosikan TVET sebagai haluan pendidikan alternatif supaya belia tidak tercicir dan bermotivasi untuk menuntut pelajaran.</li> <li>• Terdapat kuota untuk memasukkan TVET bagi komuniti India, tetapi permohonan mereka ditolak.</li> <li>• Ada segelintir daripada komuniti India, tidak tahu mengenai program TVET.</li> </ul>
Pelajar-pelajar dari kawasan perumahan PPR dan PPA terpinggir dalam pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar PPR &amp; PPA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar dari kawasan perumahan PPR dan PPA berasa kurang motivasi apabila mereka terpinggir dalam pelajaran.</li> <li>• Kos yang tinggi untuk memberikan anak-anak ke kelas tambahan di pusat tuisyen.</li> <li>• Cadangan untuk mengadakan kelas tuisyen untuk pelajar-pelajar di PPR/PPA supaya mereka juga dapat mengubah nasib pada masa depan.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Tidak cukup fasiliti untuk rekreasi atau dewan untuk belia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Penduduk Flat Sri Sabah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan fasiliti untuk belia bersukan dan dewan untuk aktiviti-aktiviti sosial.</li> <li>• Birokrasi dalam dokumentasi untuk menggunakan dewan. Contohnya, permohonan perlu dilakukan di atas talian tetapi menunggu masa lama untuk mendapatkan maklum balas.</li> <li>• Tiada tempat untuk penduduk terutama keluarga dan belia untuk berekreasi.</li> </ul>
Tiada kewarganegaraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanak-kanak yang tiada kad pengenalan (Bodhi's Homecare)</li> <li>• Belia yang tiada kad pengenalan (Bodhi's Homecare)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kes 1: umur 7 tahun, anak ini tidak dapat kesan siapa bapanya, emaknya adalah warga vietnam. anak ini tidak dapat sijil beranak</li> <li>• Kes 2: umur 11, dilapor oleh pakciknya; emaknya hilang (Warga indonesia) , bapanya tidak dapat dikesan. pakciknya yang menjaga telah meninggal dunia. anak ini tidak ada sijil kelahiran mahupun IC.</li> <li>• Kes 3 dan 4: Adik beradik (13 &amp; 14 tahun); lahir di hospital ampang; emak warga indonesia, bapa warganegara Malaysia (tidak dapat dijumpa / penagih dadah); anak adik beradik tidak ada dokumentasi.</li> <li>• Kes 5 dan 6: Adik beradik (10 &amp; 9 tahun); bapa ialah warganegara Malaysia, emak warganegara vietnam; anak adik-beradik telah ditinggalkan di depan pintu "bodhi home"</li> <li>• Kes 7: Umur 30+, tidak dapat peluang pendidikan, ada 7 adik beradik - 6 ada IC tetapi dia sahaha tidak ada dodokumentasikan; ibu dan bapa ialah warganegara Malaysia.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Kesukaran mendapatkan kad OKU	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga OKU</li> <li>• Penjaga OKU Bodhi's Homecare</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses untuk mendapat kad OKU yang lama dan sentiasa memerlukan tindakan susulan. Penjaga rasa tertekan kerana mereka tidak ada pengangkutan dan tambang grab yang mahal jika hendak pergi ke hospital selalu untuk pengurusan kad OKU.</li> <li>• Kurang maklumat untuk proses dapatkan kad OKU.</li> <li>• Pihak hospital kadang-kadang akan hantar pesakit OKU ke Bodhi's Homecare (terutamanya untuk pesakit bukan Muslim). Dengan niat yang baik, mereka terima tetapi mereka menghadapi kekangan untuk menjaga pesakit OKU tersebut.</li> <li>• Mereka memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan atau NGO yang dapat membantu.</li> </ul>
Status tanah yang tidak tetap	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga OKU</li> <li>• Penjaga OKU Bodhi's Homecare</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Status tanah Bodhi's Homecare adalah merupakan tempat ibadah dan tidak mempunyai geran tanah.</li> <li>• Jika terdapat pembangunan yang akan berlaku pada masa depan, pihak Bodhi's Homecare risau dengan status pusat penjagaan yang tidak tetap.</li> </ul>
Ancaman media sosial dalam keharmonian masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Penduduk PPR dan PPA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu kes-kes viral yang dapat memecahkan sikap perpaduan dan keharmonian dalam golongan penduduk yang berbilang kaum</li> <li>• Berita palsu juga mudah dipercayai dan mudah dikongsi antara penduduk.</li> <li>• Sebagai contoh, kes boikot dan sebagainya.</li> </ul>
Kurang fasih dalam Bahasa Melayu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas berbangsa Cina</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Banyak kalangan warga emas yang berbangsa cina tidak fasih dalam Bahasa melayu. Hal ini menyebabkan mereka terlepas dalam pemohonan bantuan kerajaan.</li> <li>• Anak-anak mereka pula sibuk dan sukar untuk membantu dalam dokumentasi mana-mana bantuan seperti pengisian borang JKM atau bantuan Kerajaan lain.</li> </ul>



ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
<b>ISU EKONOMI</b>		
Kos sara hidup yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Golongan B40</li> <li>• Warga Emas</li> <li>• Penjual kecil-kecilan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendapatan rendah dan susah untuk mendapatkan jualan malah untuk mendapatkan RM10 sehari juga sukar. Terutama bagi peniaga pakaian.</li> <li>• Peningkatan harga barangan asas tidak selari dengan bantuan dan pencen yang diterima.</li> <li>• Jumlah pencen yang diterima setiap bulan hanya sekitar RM 300 sebulan.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia meluahkan bahawa kos sara hidup amat tinggi untuk warga belia seperti harga untuk mendapatkan lesen mahal dan harga barangan harian yang mahal.</li> <li>• Sukar untuk mereka berdikari dan terpaksa tinggal bersama keluarga.</li> <li>• Dibebankan dengan kos beli rumah, pinjaman kereta, insurans, dan rumah PPR pun semakin terhad,</li> <li>• Kelayakan untuk mendapat PPR seperti perlu ada sekurang-kurangnya 2 anak tidak relevan untuk belia yang sedang bergelut dengan keadaan ekonomi sekarang.</li> </ul>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpulan M40 (Komuniti India)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam keadaan kenaikan kos sara hidup, banyak pihak berpendapat bahawa golongan B40 paling tertekan dengan situasi tersebut.</li> <li>• Justeru, pelbagai jenis bantuan diperuntukkan kerajaan kepada golongan berkenaan seperti Bantuan Sara Hidup dan sebagainya.</li> <li>• Namun, ramai yang tidak sedar sebenarnya ramai golongan M40 terutama yang tinggal di bandar-bandar besar kini sudah terjerumus ke dalam kelompok 'miskin bandar'.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
Tekanan dalam pengurusan kebajikan ibu tunggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu Tunggal</li> <li>• Peniaga kecil-kecilan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan RM150 (JKM) tidak cukup dengan keadaan ekonomi sekarang.</li> <li>• Meskipun sudah ada anak-anak yang bekerja, tetapi ibu tunggal tidak dapat mengharap anak-anak mereka.</li> <li>• Keadaan menjadi lebih keruh apabila banyak ibu tunggal yang sudah berusia dan memerlukan rawatan tetapi menghadapi kekangan seperti kos kesihatan, dan jarak ke hospital/klinik yang jauh.</li> <li>• Harga Grab sekarang meningkat. Contohnya, sebelum ini PPR Sabah ke LRT hanya RM3, sekarang telah meningkat ke RM7 hingga RM8.</li> </ul>
Birokrasi dan pendokumentasian yang sukar difahami dalam permohonan lesen berniaga	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga kecil-kecilan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sukar mendapatkan lesen perniagaan menyebabkan kebanyakan peniaga kecil meniaga tanpa lesen.</li> </ul>
Perniagaan peniaga Pasar Sungai Besar terjejas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga di Pasar Sungai Besi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan seperti MRT atau kondominium di sekitar kawasan perniagaan perlu melibatkan perbincangan bersama peniaga-peniaga sekitarnya kerana kumpulan peniaga ini juga terkesan.</li> <li>• Terdapat kes di mana peniaga terpaksa berpindah daripada tapak perniagaan yang asal kerana sambutan yang semakin berkurang.</li> <li>• Hal ini menyebabkan jumlah keuntungan peniaga jatuh dari hampir 50%. Contohnya, keuntungan asal adalah RM300 telah jatuh ke RM150.</li> </ul>
Lot kedai kosong dan terbiar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga di Pasar Sungai Besi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kedai di bahagian atas tidak mempunyai pemilik dan terdapat banyak lot kosong menyebabkan suasana pasar nampak hambar.</li> <li>• Memberi kesan buruk kepada imej pasar Sungai besi.</li> <li>• Pasar menjadi semakin sunyi.</li> </ul>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>
Pasaran yang kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga di Pasar Sungai Besi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peniaga merasakan pasaran sekarang sangat kompetitif disebabkan beberapa faktor:               <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga warga asing yang memberi harga yang lebih murah telah menjejaskan perniagaan tempatan.</li> <li>2. Persaingan dengan pasaraya yang berdekatan seperti Pasaraya Hero yang menjual barang yang sama malah dengan harga yang hampir sama.</li> <li>3. Persaingan dengan penjual yang tidak berlesen yang membuka khemah di tepi jalan.</li> </ol> </li> <li>• Sebelum tahun 2000, tiada peniaga warga asing. Tetapi semenjak tahun 2000 ke atas, jumlah peniaga warga asing meningkat.</li> </ul>
<b>ISU ALAM SEKITAR</b>		
Masalah kucing liar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Flat Sri Sabah</li> <li>• PPR Desa Tun Razak</li> <li>• Flat Sri Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah kucing liar yang tidak terkawal di kawasan perumahan.</li> <li>• Terdapat banyak kucing liar di kawasan flat yang dianggarkan sebanyak 350 ekor.</li> <li>• Terdapat inisiatif pembinaan rumah kucing di Flat Sri Sabah. Namun, penduduk tidak tahu kucing yang terdapat di dalam rumah tersebut merupakan kucing liar atau kucing yang telah dibuang oleh pemilik</li> <li>• Inisiatif ini dibuat kerana terdapat kes penzaliman haiwan yang telah berlaku di kawasan flat seperti kes mencampak kucing daripada tingkat atas ke aras bawah dan terdapat juga kes kucing telah digigit oleh anjing</li> <li>• Peningkatan jumlah kucing liar ini juga menyebabkan kawasan persekitaran kotor sekaligus menimbulkan tidak keselesaan kepada penduduk. Hal ini berlaku kerana terdapat penduduk yang memberikan makanan kepada kucing - kucing ini.</li> </ul>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Di flat Sri Johor, terdapat kucing yang kencing di dalam lif dan di tangga mengganggu kebersihan sekitar flat.</li> </ul>
Gangguan trafik dan banjir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar Sekolah SRJKC Naam Kheung</li> <li>• Guru-guru SRJKC Naam Kheung</li> <li>• Ibu bapa pelajar</li> <li>• Orang Awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gangguan trafik sering terjadi terutamanya di gate D, SRJKC Naam Kheung.</li> <li>• Terdapat pembangunan perumahan berdekatan dengan sekolah seperti Flat Sri Sabah dan M Vertica KL di bawah Syarikat Mah Sing.</li> <li>• M Vertica mempunyai lebih daripada 3,000 unit dan Flat Sri Sabah pula mempunyai 18 tingkat yang dianggap sebagai kawasan perumahan berdensiti tinggi.</li> <li>• Apabila musim hujan, longkang sedia ada tidak mampu menampung air menyebabkan kawasan ini mudah banjir kerana air melimpah ke jalan. Seterusnya, menyebabkan jalan di kawasan sekolah menjadi lebih sesak dan kadang-kadang menjadi tidak selamat.</li> <li>• Banjir pernah berlaku di kawasan sekolah sebelum pembangunan tersebut tetapi banjir menjadi lebih kerap dan serius sejak kebelakangan ini.</li> <li>• Meragui tiada kajian mengenai impak trafik pernah dijalankan.</li> </ul>
Kolam takungan yang terdapat sampah yang tidak dikumpul	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk / petani bandar Pangsapuri Sri Malaysia dan PPR Sri Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sudah 4 bulan sampah dalam kolam takungan Taman Midah tidak dikutip. Tidak seperti sebelum ini, sampah di kolam takungan setiap hari akan dikutip.</li> <li>• Hal ini disebabkan JPS sedang dalam proses melantik kontraktor yang baru.</li> </ul>
Kos input pertanian yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani bandar Pangsapuri Sri Malaysia dan PPR Sri Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kos baja yang tinggi</li> <li>• Sukar untuk memastikan tanaman subur dan memerlukan jumlah baja yang lebih banyak.</li> <li>• Terdapat petani yang tidak tahu cara-cara pemohonan bantuan subsidi pertanian.</li> </ul>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>
Perubahan iklim	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Petani bandar Pangsapuri Sri Malaysia dan PPR Sri Malaysia</li> <li>• NGO Alam Sekitar</li> <li>• Penduduk Subzon 3</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keadaan cuaca yang panas</li> <li>• Kekurangan pokok di kawasan bandar</li> <li>• Terpaksa menggunakan penghawa dingin dan menyebabkan peningkatan bil elektrik</li> </ul>

### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1: KEPERLUAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BELIA

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos sara hidup belia semakin tinggi</li> <li>2. Penglibatan dalam kegiatan negatif</li> <li>3. Kekurangan peluang pekerjaan</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan kursus pendek dan modular dalam bidang teknologi, keusahawanan, dan kemahiran lain yang relevan.</li> <li>2. Meningkatkan akses kepada pusat komuniti, sukan, dan rekreasi untuk membolehkan belia terlibat dalam aktiviti sihat.</li> <li>3. Penyediaan dana khas, bantuan kewangan, dan pinjaman mikro untuk perniagaan kecil dan sederhana (PKS) yang dikendalikan oleh belia.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Komuniti India</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seluruh kawasan Parlimen Bandar Tun Razak</li> </ul>

#### SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA

<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	<b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari
Matlamat 3: Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur	<b>Sasaran 3.5:</b> Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alcohol yang memudaratkan
Matlamat 4: Memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	<b>Sasaran 4.4:</b> Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk pengajian, pekerjaan yang sesuai dan keusahawanan
Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang	<b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif,

mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua	<p>penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p> <p><b>Sasaran 8.5:</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p>
--	--

## PENGUTAMAAN ISU 2: PERUBAHAN IKLIM

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengurusan sampah tidak efisien di kolam takungan Taman Midah</li> <li>2. Keadaan cuaca yang panas</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Amalan kitar semula sampah</li> <li>2. Mengurangkan perlepasan karbon berlebihan</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk Pangsapuri Sri Malaysia</li> <li>• Penduduk PPR Sri Malaysia</li> <li>• Semua penduduk di Parlimen Bandar Tun Razak</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pangsapuri Sri Malaysia</li> <li>• PPR Sri Malaysia</li> <li>• Seluruh kawasan Parlimen Bandar Tun Razak</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 11: Menjadikan bandar dan penempatan penduduk sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan	<b>Sasaran 11.6:</b> Menjelang 2030, mengurangkan kesan buruk bandar raya terhadap alam sekitar per kapita, termasuk memberikan perhatian khusus kepada kualiti udara, perbandaran dan pengurusan sisa lain
Matlamat 12: Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan	<b>Sasaran 12.5:</b> Menjelang 2030, mengurangkan penghasilan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula
Matlamat 13: Mengambil tindakan segera untuk	<b>Sasaran 13.1:</b> Memperkukuh ketahanan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada

menangani perubahan iklim dan kesannya	<p>bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara</p> <p><b>Sasaran 13.3:</b> Menambah baik pendidikan, peningkatan kesedaran, serta keupayaan institusi dan manusia bagi pengurangan perubahan iklim, penyesuaian, pengurangan impak dan amaran awal</p>
--	--

### PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN KEBAJIKAN IBU TUNGGAL

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kesukaran mendapat bantuan</li> <li>2. Tahap literasi digital yang rendah</li> <li>3. Tekanan dalam pengurusan kebajikan</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menganjurkan kursus dan latihan kemahiran untuk ibu tunggal menjana pendapatan sendiri.</li> <li>2. Penyediaan satu platform pusat maklumat yang mudah diakses tentang bantuan, hak, dan peluang.</li> <li>3. Menyediakan perkhidmatan kaunseling emosi dan psikologi secara percuma untuk menangani tekanan mental dan emosi.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ibu tunggal</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seluruh kawasan Parlimen Bandar Tun Razak</li> </ul>
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG YANG BERKAITAN</b>	<b>SASARAN SDG BERKAITAN</b>
Matlamat 1: Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p><b>Sasaran 1.3:</b> Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang sesuai di seluruh negara, termasuk peringkat perlindungan, serta mencapai perlindungan yang mencukupi bagi golongan miskin dan berisiko menjelang 2030</p>



	<p><b>Sasaran 1.4:</b> Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan</p> <p><b>Sasaran 1a:</b> Memastikan penjanaan sumber penting daripada pelbagai sumber, termasuk melalui pengukuhan kerjasama pembangunan, bagi menyediakan kaedah yang mencukupi dan boleh diramal bagi negara membangun, khususnya bagi negara kurang membangun, untuk melaksanakan program dan dasar bagi menamatkan semua dimensi kemiskinan</p>
<p>Matlamat 5: Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan</p>	<p><b>Sasaran 5b:</b> Meningkatkan penggunaan teknologi yang diperlukan, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi, untuk menggalakkan pemerkasaan wanita</p>
<p>Matlamat 8: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkeadilan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua</p>	<p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan</p>



# APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari**

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ [secretariat@appgm-sdg.com](mailto:secretariat@appgm-sdg.com)

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>